

08 SEP 1998

Pemuda-Pulau Pinang

PEMUDA UMNO P.PINANG SOKONG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang hari ini mengambil ketetapan sebulat suara menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Ketuanya Dr Abdul Rahim Ghouse berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat khas pergerakan itu di sini dengan mengambilkira kepentingan negara, parti dan bangsa.

Bagaimanapun sembilan daripada 11 bahagian merayu kepada Dr Mahathir agar menimbang semula keputusan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai anggota UMNO, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas selama sejam setengah itu.

Anwar dipecat oleh Dr Mahathir daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Rabu lepas dan sehari kemudian Majlis Tertinggi UMNO memecat beliau daripada parti.

Bahagian-bahagian yang menyokong untuk merayu ialah Permatang Pauh, Tanjong, Bagan, Balik Pulau, Jelutong, Nibong Tebal, Bayan Baru, Bukit Mertajam dan Bukit Bendera.

Dr Abdul Rahim berkata, bahagian Kepala Batas hanya bersetuju memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir tetapi tidak mahu dimasukkan dalam keputusan untuk merayu kepada Presiden parti supaya menerima semula Anwar sebagai anggota parti.

"Kami berbincang pelbagai hal tadi, menelaah dan meneliti pelbagai faktor, kami cukup yakin akhirnya kebijaksanaan Dr Mahathir serta sifat kebapaannya yang sebelum ini mempunyai hubungan yang begitu erat dengan Anwar, sudah pasti boleh menimbang semula Anwar kembali ke sisinya sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Dr Abdul Rahim berkata, Pemuda UMNO Pulau Pinang akan menulis satu memorandum mengenai rayuan itu untuk diserahkan kepada Dr Mahathir dengan seberapa segera.

Ditanya sama ada Anwar ada menyatakan hasratnya untuk merayu terhadap keputusan pemecatan beliau daripada UMNO itu, Dr Abdul Rahim berkata: "yang saya tahu dalam interaksi saya dalam beberapa pertemuan dengan dia, dia masih sayang kepada UMNO dan dia hendak kita teruskan perjuangan dalam UMNO".

Sementara itu Ketua Pemuda UMNO bahagian Kepala Batas Roslan Saidin berkata, beliau tidak menyokong rayuan terhadap pemecatan Anwar itu kerana akur dengan keputusan Majlis Tertinggi UMNO memecat Anwar.

Ketua Pemuda Tasek Gelugor Norazman Othman tidak dapat hadir. --

BERNAMA

AFY sj